

# **LEARNING FESTIVAL 2018**

## **INTERAKSI PENULISAN DARJAH 3 & 4**


03 Februari 2018

# INTERAKSI PENULISAN

- kemampuan murid melibatkan diri dalam komunikasi dua hala secara spontan
- menggunakan bahasa penulisan sebagai perantara
- memberikan respons dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi

# Model Kemahiran Teras Bahasa

## *Kemahiran Interaksi*



- Berbual
- Berdialog
- Berbincang dalam kumpulan
- Bermain peranan

## *Kemahiran Interaksi*

- Membaca dan memberikan respons terhadap iklan,
- Memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, blog, nota ringkas, komen dalam blog

# INTERAKSI PENULISAN

- dibina dalam bahagian kefahaman objektif atau subjektif
- dalam bentuk pesanan ringkas, e-mel, nota, dsb.
- memberi respons berdasarkan teks



## KEFAHAMAN 1 (8 MARKAH)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 11 dan Soalan 12 (2 markah setiap satu). Bagi soalan 13, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

Pulau Sentosa terletak di selatan Singapura. Pada mulanya, tempat ini dinamakan Pulau Belakang Mati. Pulau itu merupakan tempat kapal-kapal berlabuh pada suatu masa dahulu. Kini, Pulau Sentosa adalah pulau yang paling terkenal di Singapura. Ramai pelancong mengunjungi Pulau Sentosa kerana terdapat pelbagai aktiviti menarik yang boleh dilakukan di sana. Terdapat juga tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi pelancong.

Akuarium terbesar Singapura terletak di Pulau Sentosa. Di sana terdapat lebih daripada 100,000 haiwan laut yang boleh dilihat. Apa yang unik di akuarium ini ialah pengunjung boleh menyentuh tapak sulaiman. Ramai pelancong tidak mahu melepaskan peluang ini dan sanggup menunggu lama untuk aktiviti yang menarik ini.

Bagi kanak-kanak mahupun orang dewasa yang gemar bermain air, di Pulau Sentosa juga terdapat sebuah taman tema air. Ada tujuh jenis permainan air yang menggerunkan untuk mereka yang suka akan cabaran. Pengunjung juga boleh memilih untuk berenang bersama pelbagai jenis ikan termasuklah ikan pari.

Pulau Sentosa sentiasa cuba untuk menarik minat pengunjung dari dalam dan luar negara. Oleh demikian, pengunjung tidak akan berasa bosan ketika di Pulau Sentosa. Ada bermacam-macam tarikan untuk pelbagai peringkat umur di sana.

Q11. Dahulu Pulau Sentosa adalah tempat untuk \_\_\_\_\_.



- (1) kapal-kapal berlabuh
- (2) bermain permainan air
- (3) pengunjung luar negara
- (4) menarik minat pengunjung

Q12. Pengunjung boleh \_\_\_\_\_ di taman tema air.

- (1) berasa bosan
- (2) melihat 100,000 haiwan
- (3) menyentuh tapak sulaiman
- (4) berenang bersama ikan pari

Q13. Kamu telah mengirim pesanan ringkas kepada ayah kamu. Kamu ingin mengunjungi Pulau Sentosa bersama keluarga kamu pada cuti sekolah akan datang. Terangkan dua tarikan yang ada di Pulau Sentosa untuk meyakinkan ayah kamu berdasarkan informasi dalam petikan di halaman 4. Tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

(4 markah)



**KEFAHAMAN (8 MARKAH)**

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 6 dan Soalan 7 (2 markah setiap satu). Bagi soalan 8, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

Arif suka memakan makanan yang manis. Setiap hari selepas sekolah, dia pasti akan pergi ke kedai runcit di kolong bloknya. Kadang-kala, dia akan membeli coklat dan gula-gula, tetapi kegemarannya ialah aiskrim. Ibu, ayah dan abangnya selalu memesan kepadanya supaya kurangkan memakan aiskrim. Namun, dia tidak menghiraukan mereka.

Pada suatu hari, gusi Arif terasa sungguh sakit. Dia menangis kerana tidak dapat menahan kesakitan. Ibunya menjadi kelam-kabut. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukan.

"Mari kita bawa Arif ke klinik, ibu," kata abang Arif. Dia kasihan melihat adiknya.

"Baiklah, tetapi kamu harus tulis nota kepada ayah kamu supaya dia tahu kita di mana," kata ibu Arif pula.

Abang Arif mengangguk dan terus ke biliknya. Dia menulis sehelai nota untuk ayah mereka. Kemudian, dia melekatkan nota tersebut di pintu peti ais. Mereka tergesa-gesa membawa Arif ke klinik pergigian yang berdekatan. Doktor memberi Arif beberapa ubat untuk menghilangkan rasa sakit.

Arif menyesal tidak mendengar nasihat daripada keluarganya. Dia tidak ingin kejadian itu berulang lagi. Sejak hari itu, dia tidak lagi memakan makanan yang manis.

6. Arif amat suka memakan \_\_\_\_\_.

- (1) ubat
- (2) coklat
- (3) aiskrim
- (4) gula-gula

7. Akhirnya, Arif berasa kesal kerana dia \_\_\_\_\_.

- (1) akan ke kedai runcit
- (2) dapat menahan kesakitan
- (3) harus tergesa-gesa ke klinik
- (4) tidak mendengar nasihat keluarga

8. Ibu menyuruh abang Arif menulis nota kepada ayahnya. Bayangkan kamu abang Arif. Tuliskan nota itu dengan menggunakan informasi dalam petikan di halaman 2. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

**(4 markah)**

Ayah,

Saya dan ibu pergi ke \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

# CARA MEMBANTU ANAK ANDA

- dedahkan mereka kepada pelbagai jenis teks
- gunakan Bahasa Melayu ketika memberi pesanan ringkas
- galakkan mereka untuk memberi komen dengan menggunakan Bahasa Melayu

**TERIMA KASIH**